



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN MELALUI SISTEM
ePENAWARAN BAGI BIASISWA PERGURUAN
PERSEKUTUAN PROGRAM IJAZAH SARJANA
MUDA PENDIDIKAN (ISMP) KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA AMBILAN TAHUN 2024**

DISEDIAKAN OLEH:

**CAWANGAN PENAWARAN
BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MAC 2024**

**PANDUAN PERMOHONAN MELALUI SISTEM ePENAWARAN BAGI
BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (ISMP)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
AMBILAN TAHUN 2024**

1. Permohonan ini dibuka kepada semua pelajar yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk memohon biasiswa bagi pembiayaan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP). Biasiswa ini dikhususkan untuk bakal guru yang mencapai prestasi pengajian yang cemerlang di Universiti Awam (UA).
2. Permohonan secara dalam talian (*online*) dibuka melalui pautan <https://epenawaran.moe.gov.my/ijazah1/login.cfm> mulai **21 Mac 2024 (Khamis), pukul 5:00 petang hingga 25 April 2024 (Khamis), pukul 5:00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan. Pemohon dimohon untuk merujuk kepada portal rasmi KPM bagi sebarang pemakluman terkini.
3. Pemohon adalah diingatkan untuk mengisi permohonan baharu (bagi calon yang pernah memohon terdahulu), membaca dan memahami syarat dan panduan permohonan dengan teliti serta memasukkan maklumat yang tepat dan sahih. **Kesilapan mengisi maklumat permohonan** secara dalam talian termasuk kesilapan mengisi No. Kad Pengenalan akan mengakibatkan permohonan **ditolak**.
4. Pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan awal dan mencuba untuk membuat capaian permohonan secara dalam talian ini pada waktu yang lain jika percubaan pertama gagal atau tidak berjaya pada ketika itu. Ini adalah kerana terdapat kemungkinan berlaku kesesakan laluan capaian pada laman web tersebut.
5. Permohonan melalui Sistem ePenawaran adalah rasmi dan sah. Justeru, borang permohonan dan salinan sijil/ dokumen **TIDAK** perlu dihantar secara *hardcopy* kepada Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP), KPM untuk sebarang tindakan lain. Dokumen **ASAL** perlu dibawa semasa temu duga sekiranya terpilih.
6. Permohonan yang tidak mematuhi syarat/tidak lengkap akan **ditolak**.
7. Pemohon dibenarkan untuk mengemas kini permohonan sebanyak tiga kali dan menghantar **SATU** permohonan sepanjang tempoh tawaran dibuka.
8. Pemohon **WAJIB** memuat turun dan menyimpan/ mencetak **Slip Pengesahan Penghantaran Permohonan** sebagai bukti permohonan dan rujukan pada masa akan datang.

9. **Sesi Interaksi Pemohon Biasiswa ISMP Bersama-sama Dengan BTP, KPM** bagi membantu dan memudahkan pemohon untuk mengisi borang permohonan akan diadakan **secara dalam talian** pada:
- **26 hingga 28 Mac 2024, (Selasa-Khamis);** dan
 - **22 hingga 24 April 2024 (Isnin-Rabu).**
10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan tatacara dan panduan penggunaan sistem ePenawaran, pemohon boleh menghubungi urus setia seperti yang berikut:

Bil.	Nama Pegawai	No.Telefon	E-mel Perhubungan
1.	Puan Nooraini binti Misrijan	03-8321 7157	ismp.bt@moe.gov.my
2.	Puan Sharifah Idayu binti Syed Ahmad Termizi	03-8321 7138	
3.	Encik Muhd Faizzuddin Khairi bin Mohd Jamali	03-8321 7151	
4.	Encik Muhammad Zikri Firdaus bin Sulaiman	03-8321 7159	
5.	Puan Nur Izzati binti Marzuki	03-8321 7136	

PANDUAN PERMOHONAN

1. PANDUAN KHUSUS

- 1.1 Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pemohon bagi memudahkan urusan pengisian maklumat permohonan.
- 1.2 Pemohon adalah dikehendaki untuk mengisi dan melengkapkan maklumat yang diperlukan pada semua menu yang disediakan dan sekiranya terdapat maklumat yang tidak lengkap, **permohonan akan ditolak**.

2. PAPARAN UTAMA PERMOHONAN



The screenshot displays the user interface for the 'BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DI UNIVERSITI AWAM (e-IJAZAH1)'. The header includes the Malaysian coat of arms and the program title. A navigation bar contains links for 'LAMAN UTAMA', 'SYARAT', 'PANDUAN', and 'PENTADBIR'. Below this, there are two main buttons: 'PERMOHONAN BARU' (highlighted in blue) and 'KEMASUKAN PERMOHONAN'. The 'PERMOHONAN BARU' section contains the following elements:

- Instruction: 'Sila kunci masuk No Kad Pengenalan Baru, Kata Laluan dan Program'
- Form fields:
 - No. Kad Pengenalan Baru: Input field with value 'cth: 940127015432'
 - Kata Laluan: Input field with value 'Syarat Katalaluan'
 - Sahkan Kata Laluan: Input field
 - Program: Dropdown menu with value '-SILA PILIH PROGRAM-'
- Buttons: 'MASUK' (green) and 'SET SEMULA' (blue)
- Checkbox: 'Lupa Katalaluan' (unchecked)

- 2.1 Pemohon perlu mendaftarkan Nombor Kad Pengenalan dan Kata Laluan pada butang **PERMOHONAN BAHARU**. Kata laluan yang digunakan hendaklah 8 - 12 aksara dan mematuhi syarat kata laluan yang telah ditetapkan.
- 2.2 Sila pastikan maklumat dikunci masuk dengan tepat. **Maklumat ini tidak boleh dipinda selepas pendaftaran.**
- 2.3 Tekan butang **MASUK** untuk melengkapkan permohonan.
- 2.4 Maklumat pendaftaran permohonan hendaklah disimpan dengan baik bagi tujuan rujukan/ kemas kini.

3. MENU: DIRI

A. DIRI -> MAKLUMAT PEMOHON

No. Mykad * :

Nama * :

Tarikh Lahir :

Kecacatan Fizikal / :

Masalah Kesihatan (Sekiranya ada)

Jantina * : LELAKI

Agama * : ISLAM

Taraf Perkahwinan* : BELUM BERKAHWIN

Bangsa * : MELAYU

ALAMAT SURAT MENYURAT

Alamat * : BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN

Poskod * : 45860

Negeri * : KELANTAN

Bandar * : GUA MUSANG

No. Telefon Rumah : Format No Tel

No. Telefon Bimbit* : 01111111111111111111 Format No Tel

Alamat E-mel* : ismp2023@gmail.com

ALAMAT TETAP

Tandakan kotak ini jika Alamat Tetap sama dengan Alamat Surat Menyurat

Alamat * : BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN

Poskod * : 45860

Negeri * : NEGERI SEMBILAN

Bandar * : JUJASSEH

- 3.1 Pemohon **WAJIB** melengkapkan semua medan yang bertanda *.
- 3.2 Sila muat naik **GAMBAR** berukuran pasport dengan saiz kurang daripada 1MB dalam format .jpg/ jpeg.
- 3.3 Sila lengkapkan **NAMA PENUH** dengan **HURUF BESAR** seperti dalam Kad Pengenalan baharu.
- 3.4 Sila lengkapkan **ALAMAT SURAT-MENYURAT** dan **ALAMAT TETAP** dengan lengkap. Jika ruang tidak mencukupi, sila gunakan perkataan yang ringkas. Sila pastikan maklumat yang dinyatakan berpenghuni sebagai langkah memastikan sebarang surat-menyurat rasmi berkaitan tawaran dan penajaan ini diterima.
- 3.5 Sila lengkapkan **NOMBOR TELEFON RUMAH DAN TELEFON BIMBIT** yang boleh dihubungi tanpa sebarang tanda sempang (-) di antara nombor.
- 3.6 Sila lengkapkan **ALAMAT E-MEL** dengan tepat yang boleh dicapai. Alamat e-mel tersebut akan digunakan sepanjang tempoh urusan permohonan dan selepas tawaran biasiswa. Kesilapan mengisi maklumat e-mel akan menjejaskan proses permohonan dan penawaran biasiswa.
- 3.7 Sila tekan butang **SIMPAN** untuk ke halaman seterusnya.

4. MENU: PENGAJIAN

The screenshot shows a web interface for entering study information. The navigation bar includes: A. DIRI, B. PENGAJIAN, C. AKADEMIK, D. KO-KURIKULUM, E. IBU BAPA/PENJAGA, and F. MUAT NAIK & PERAKUAN. The main heading is 'B. PENGAJIAN -> MAKLUMAT PENGAJIAN DI UNIVERSITI AWAM'. The form fields are as follows:

- Program: PENDIDIKAN
- Universiti Awam*: UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
- Nama Ijazah*: IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA) (KEF)
- Bidang Minor: [Empty text box]
- Ambilan*: 2021
- Tarikh Mula Pengajian*: 03/03/2023 (with calendar icon)
- Semester Pengajian Semasa*: 6
- Jumlah Semester*: 5 (with dropdown arrow)
- Tahun: [Empty text box] atau [Empty text box] Semester
- Tarikh Di jangka Tamat Pengajian*: 12/03/2023 (with calendar icon)
- Telah Ditawarkan Penajaan Semasa Pengajian (Cth: PTPTN/JPA/MARA)*: YA OTIDAK
- Tahun Tajaan: Dari [Empty text box] Hingga [Empty text box]
- Agensi: [Empty text box]

Buttons at the bottom: Simpan (green), Set Semula (grey).

- 4.1 Pemohon **WAJIB** melengkapkan semua medan yang bertanda *.
- 4.2 Sila pilih **UNIVERSITI AWAM** daripada senarai. Sila rujuk syarat permohonan bagi senarai universiti yang ditawarkan bagi sesi permohonan 2024.
- 4.3 Sila pilih **NAMA IJAZAH SARJANA MUDA** yang sedang diikuti (seperti dalam surat tawaran universiti). Bidang/ kursus yang ditawarkan adalah seperti dalam senarai pilihan yang diberikan. Sila rujuk syarat permohonan bagi bidang yang ditawarkan bagi sesi permohonan 2024.
- 4.4 Sila masukkan nama bidang/ kursus bagi maklumat **Bidang Minor** (sekiranya ada).
- 4.5 **Tahun Ambilan** merujuk kepada **tarikh pendaftaran mula pengajian** sepertimana yang dinyatakan di dalam surat tawaran universiti.
- 4.6 Sila gunakan kalendar yang disediakan bagi mengisi maklumat **Tarikh Mula Pengajian**. Pemohon tidak dibenarkan untuk menaip pada ruangan tarikh tersebut.
- 4.7 Sila masukkan maklumat **Semester Pengajian Semasa** dengan mengisi maklumat semester terkini iaitu **semester semasa permohonan ini ditutup pada 25 April 2024 (Khamis), pukul 5:00 petang**.
- 4.8 Pemohon hendaklah menyatakan nama **Agensi** yang memberi sebarang bentuk biasiswa/ penajaan/ pinjaman termasuk **Tahun Tajaan** (sekiranya berkaitan). Contoh: JPA/ PTPTN/ MARA.
- 4.9 Sila tekan butang **SIMPAN** untuk ke halaman seterusnya.

5. MENU : AKADEMIK

C. AKADEMIK -> MAKLUMAT AKADEMIK

KEPUTUSAN SPM

Tahun * : Aliran * :

Nama Sekolah * :

Keputusan* : B.Melayu* B.Ingggris* :

KEPUTUSAN STPM/STAM

MASUKKAN (3) MATAPELAJARAN TERBAIK DIPERINGKAT STPM/STAM

1.Matapelajaran	: <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>	Keputusan	: <input type="text" value="-GRED-"/>
2.Matapelajaran	: <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>	Keputusan	: <input type="text" value="-GRED-"/>
3.Matapelajaran	: <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>	Keputusan	: <input type="text" value="-GRED-"/>

KEPUTUSAN ASASI/MATRIKULASI/DIPLOMA

IPT :

Jenis Kursus : ASASI/MATRIKULASI DIPLOMA LAIN-LAIN

Tahun : PNGK :

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN TERKINI DI UNIVERSITI AWAM

PNGK * : Format PNGK :

KEPUTUSAN UJIAN BAHASA INGGERIS YANG DIJAJARKAN DENGAN CEFR (MUET/IELTS/CEPT/CPE/TOEFL/Aptis)

Nama Ujian Bahasa Ingggris :

Tahap Pencapaian Ujian Bahasa Ingggris :

Lain-Lain Ujian :

- 5.1 Pemohon **WAJIB** melengkapkan semua medan yang bertanda *.
- 5.2 Sila lengkapkan maklumat **PNGK** Keputusan Peperiksaan Terkini Di Universiti Awam dalam format digit (2 titik perpuluhan). Contoh: **3.73**.
- 5.3 Sila masukkan maklumat keputusan ujian Bahasa Ingggris yang diijarkan dengan CEFR pada ruangan yang disediakan.
- 5.4 Sila masukkan maklumat **Lain-lain Ujian** selain daripada ujian MUET/ IELTS/ CEPT/ CPE/ TOEFL/ APTIS (sekiranya ada).
- 5.5 Sila tekan butang **SIMPAN** untuk ke halaman seterusnya.

6. MENU : KO-KURIKULUM

MAKLUMAT KO-KURIKULUM	
Jenis Sukan Diwakili*	: LAIN-LAIN SUKAN PERMAINAN YANG DIIKTIRAF ▼
Peringkat Diwakili*	: UNIVERSITI ▼
Nama Persatuan*	: PERSATUAN TEAKWANDO ▼
Jawatan Disandang Dalam Persatuan*	: PENERUSI ▼
Nama Pasukan Beruniform*	: PERSATUAN KADET BERSATU MALAYSIA (LAUT) ▼
Jawatan Dalam Pasukan Beruniform*	: SARJAN (SENIOR) SARJAN/ SETARAF ▼

- 6.1 Pemohon **WAJIB** melengkapkan semua medan yang bertanda *.
- 6.2 Sila pilih **Jenis Sukan Diwakili** dan **Peringkat Diwakili** semasa mengikuti pengajian di universiti awam.
- 6.3 Sekiranya **Jenis Sukan Diwakili** tiada dalam senarai; sila pilih LAIN-LAIN SUKAN PERMAINAN YANG DIIKTIRAF.
- 6.4 Sila pilih **Nama Persatuan** yang disertai dan **Jawatan Disandang Dalam Persatuan** semasa mengikuti pengajian di Universiti Awam.
- 6.5 Sekiranya **Nama Persatuan** tiada dalam senarai; sila pilih LAIN-LAIN.
- 6.6 Sekiranya tidak menyertai sebarang persatuan semasa mengikuti pengajian di universiti awam; sila pilih TIADA.
- 6.7 Sila pilih **Nama Pasukan Beruniform** yang dianggotai dan **Jawatan Dalam Pasukan Beruniform** yang disandang semasa mengikuti pengajian di Universiti Awam.
- 6.8 Sekiranya **Nama Pasukan Beruniform** tiada dalam senarai; sila pilih LAIN-LAIN PASUKAN BERUNIFORM/ SENI BELA DIRI.
- 6.9 Sekiranya tidak menyertai sebarang Pasukan Beruniform semasa mengikuti pengajian di Universiti Awam; sila pilih TIADA.
- 6.10 Sila tekan butang **SIMPAN** untuk ke halaman seterusnya.

7. MENU : IBUBAPA/ PENJAGA

E. IBU BAPA/PENJAGA -> MAKLUMAT IBUBAPA/PENJAGA/MAJIKAN PEMOHON	
MAKLUMAT BAPA/PENJAGA PEMOHON	MAKLUMAT IBU/ISTERI PENJAGA PEMOHON
No. MyKad / Kad Tentera : <input type="text" value="123345678901"/>	No. MyKad / Kad : <input type="text" value="123456878912"/>
*	Tentera
Hubungan * : <input type="text" value="BAPA"/>	Hubungan : <input type="text" value="IBU"/>
Nama Bapa/ Penjaga * : <input type="text" value="HUSSIN"/>	Nama Ibu/Isteri : <input type="text" value="SHILA"/>
Pekerjaan * : <input type="text" value="MENINGGAL DUNIA"/>	Pekerjaan : <input type="text" value="MENINGGAL DUNIA"/>
Alamat Rumah * : <input type="text" value="-"/>	Alamat Rumah : <input type="text"/>
: <input type="text" value="-"/>	: <input type="text"/>
: <input type="text" value="-"/>	: <input type="text"/>
Negeri * : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>	Negeri : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>
Bandar * : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>	Bandar : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>
Poskod * : <input type="text" value="0"/>	Poskod : <input type="text"/>
No. Telefon : <input type="text"/>	No. Telefon : <input type="text"/>
cth: 0388841234	cth: 0388841234
Emel Bapa : <input type="text"/>	Emel Ibu/Isteri : <input type="text"/>
Majikan : <input type="text"/>	Penjaga
Alamat Majikan : <input type="text"/>	Majikan : <input type="text"/>
: <input type="text"/>	Alamat Majikan : <input type="text"/>
: <input type="text"/>	: <input type="text"/>
Negeri : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>	Negeri : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>
Bandar : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>	Bandar : <input type="text" value="- SILA PILIH -"/>
Poskod : <input type="text"/>	Poskod : <input type="text"/>
No. Telefon : <input type="text"/> cth: 0388841234	No. Telefon : <input type="text"/> cth: 0388841234
Pendapatan : RM <input type="text" value="0"/> cth: 3050.40	Pendapatan : RM <input type="text" value="0.00"/> cth: 3050.40
(Gaji Pokok + Elaun) *	(Gaji Pokok + Elaun)
Lain-lain Pendapatan : RM <input type="text" value="0"/>	Lain-lain : RM <input type="text" value="0.00"/>
(Jika Ada) *	Pendapatan (Jika
Jumlah Pendapatan * : RM <input type="text" value="0"/>	Ada)
MAKLUMAT TANGGUNGAN IBUBAPA/PENJAGA	Jumlah Pendapatan : RM <input type="text"/>
Bilangan Tanggungan Yang Masih Belajar/Menuntut di Sekolah *	<input type="text" value="2"/> orang (Isikan 0 jika tiada tanggungan)
Bilangan Tanggungan Yang Masih Belajar di IPTA (termasuk PEMOHON) *	<input type="text" value="1"/>
Jumlah Pendapatan Keluarga	RM <input type="text"/>
<input type="button" value="Simpan"/> <input type="button" value="Set Semula"/>	

- 7.1 Pemohon **WAJIB** melengkapkan semua medan yang bertanda *.
- 7.2 Sila lengkapkan No. MyKad/ No. Tentera/ No. Polis dengan lengkap dan tepat tanpa tanda sempang (-). Jika ibu/ bapa telah meninggal dunia/ tiada, sila pilih TIADA.
- 7.3 Sila lengkapkan maklumat pekerjaan dan sekiranya ibu/ bapa/ penjaga telah meninggal dunia, lengkapkan maklumat pendapatan ibu/ bapa/ penjaga (sekiranya ada) pada ruangan pendapatan.
- 7.4 Sila lengkapkan **ALAMAT RUMAH** dan **ALAMAT MAJIKAN** ibu/ bapa/ penjaga dengan lengkap. Jika ruang tidak mencukupi, sila gunakan perkataan yang ringkas.
- 7.5 Sila lengkapkan **NOMBOR TELEFON** ibu/ bapa/ penjaga dan majikan tanpa sempang (-).
- 7.6 Sila lengkapkan maklumat **Pendapatan (Gaji Pokok + Elaun)** dan **Lain-lain Pendapatan (Jika Ada)** ibu/ bapa/ penjaga. **Jumlah Pendapatan** akan dikira secara automatik berdasarkan maklumat berkenaan.
- 7.7 Jika ibu/ bapa/ penjaga sudah tiada atau telah meninggal dunia dan tidak mempunyai pendapatan (pencen dan lain-lain), sila isi 0 (nombor kosong) pada ruangan berkenaan.
- 7.8 Sila lengkapkan **Bilangan Tanggungan Yang Masih Belajar/ Menuntut di Sekolah**. Bilangan yang dinyatakan adalah tanggungan yang berumur di bawah 18 tahun.
- 7.9 Sila lengkapkan **Bilangan Tanggungan Yang Masih Belajar/ Menuntut di IPTA**. Bilangan yang dinyatakan adalah **TERMASUK PEMOHON**.
- 7.10 **Jumlah Pendapatan Keluarga** akan dikira secara **automatik** berdasarkan maklumat yang telah dilengkapkan.
- 7.11 Maklumat ibu/ bapa/ penjaga **WAJIB** diisi pada kedua-dua bahagian.
- 7.12 Sila tekan butang **SIMPAN** untuk ke halaman seterusnya.

8. MENU: MUAT NAIK & PERAKUAN

F. MUAT NAIK -> MUAT NAIK DOKUMEN DAN PERAKUAN PEMOHON

1. Pemohon perlu memuat naik dokumen seperti yang disenaraikan mengikut format dan saiz yang ditetapkan. Dokumen yang bertanda * adalah WAJIB dimuat naik.
2. Kegagalan pemohon untuk memuat naik dokumen mengikut format dan saiz yang ditetapkan akan mengakibatkan permohonan tidak akan diproses.
3. Senarai dokumen berikut untuk muat naik:
 - i. Kad Pengenalan Pemohon* : Masukan Dokumen
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)* : Masukan Dokumen
 - iii. Surat Tawaran Kemasukan Universiti* : Masukan Dokumen
 - iv. Keputusan Semester Terkini yang memaparkan PNGK* : Masukan Dokumen
 - v. Slip gaji atau penyata pendapatan ibu / bapa / penjaga yang telah disahkan oleh pegawai kerajaan Kumpulan A / Pengetua / Guru Besar / Guru Penolong Kanan / Penggawa / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) / Ketua Kaum / Ketua Anak Negeri / Pesuruhjaya Sumpah : Masukan Dokumen
 - vi. Slip Keputusan MUET/IELTS/CEPT/CPE/TOEFL/APTIS bagi pemohon **opsyen BAHASA INGGERIS** sahaja : Masukan Dokumen
 - vii. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/Sijil Menengah Agama (SMA)/Sijil Menengah Ugama (SMU) atau mana-mana dokumen yang boleh menyokong kemahiran calon dalam **BAHASA ARAB** bagi calon **opsyen DINI** sahaja : Masukan Dokumen
 - viii. Salinan dokumen berkaitan seperti salinan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) atau Diploma dalam bidang TVET (sekiranya ada) bagi pemohon **bidang teknik dan vokasional** : Masukan Dokumen

- Pernah menerima sebarang bentuk tajaan / pinjaman daripada mana-mana pihak sepanjang mengikuti pengajian ini; OYA TIDAK
- Tidak Pernah disabitkan dengan sebarang aktiviti jenayah di dalam atau luar negara. OYA TIDAK
- Pernah terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah; OYA TIDAK

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar permohonan saya akan ditolak atau biasiswa saya akan ditarik balik / diberhentikan dengan serta-merta dan tindakan diambil ke atas saya selaras dengan syarat-syarat tawaran biasiswa.

Saya setuju dengan pengakuan di atas.

PERINGATAN

Pemohon perlu mencetak **Slip Pengesahan Penghantaran Permohonan** sebagai bukti permohonan dan rujukan di masa hadapan.

Sekiranya menghadapi sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi Cawangan Penawaran:

No Telefon : 03-8321 7157 / 7113 / 7138 / 7154 / 7159 / 7196
E-mel : ismp.bt@moe.gov.my

[Cetak Slip](#)

8.1 Pemohon perlu memuat naik dokumen seperti yang disenaraikan mengikut format dan saiz yang ditetapkan. Dokumen yang bertanda * adalah **WAJIB** dimuat naik.

8.2 Senarai dokumen yang perlu dimuat naik adalah seperti yang berikut:

- (i) Kad Pengenalan pemohon;
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
- (iii) Surat Tawaran Kemasukan Universiti;
- (iv) Keputusan Semester Terkini yang memaparkan PNGK;
- (v) Slip gaji atau penyata pendapatan ibu/ bapa/ penjaga yang telah disahkan oleh pegawai kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Pesuruhjaya Sumpah;
- (vi) Slip Keputusan MUET/ IELTS/ CEPT/ CPE/ TOEFL/ APTIS bagi pemohon **opsyen BAHASA INGGERIS sahaja**;
- (vii) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ Sijil Menengah Agama (SMA)/ Sijil Menengah Ugama (SMU) atau mana-mana dokumen yang boleh menyokong kemahiran calon dalam **BAHASA ARAB** bagi calon **opsyen DINI sahaja**; dan
- (viii) Salinan dokumen berkaitan seperti salinan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) atau Diploma dalam bidang TVET (sekiranya ada) bagi pemohon **bidang teknik dan vokasional**.

- 8.3 Sila baca dan membuat perakuan dengan menandakan kotak yang disediakan.
- 8.4 Butang **HANTAR** hanya akan dipaparkan selepas pemohon menekan butang **SIMPAN**.
- 8.5 Pemohon dinasihatkan untuk menyemak semua maklumat yang telah dilengkapkan adalah tepat sebelum menghantar permohonan.
- 8.6 Sila tekan butang **HANTAR** setelah melengkapkan permohonan dan pastikan **Slip Pengesahan Penghantaran Permohonan dicetak** sebagai bukti permohonan.
- 8.7 Permohonan yang telah dihantar tidak boleh dikemas kini dan sebarang permohonan untuk pengemaskinian semula **TIDAK DIPERTIMBANGKAN**.

Disediakan oleh:

**Cawangan Penawaran
Bahagian Tajaan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Mac 2024**